AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 2 PRINTED SIZE: 180.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 973.00 ITEM ID: MY0070957337



03 SEP, 2026

UMS raih Bronze Award ICAPS 2026 di Korea Selatan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMS raih Bronze Award ICAPS 2026 di Korea Selatan

KOTA KINABALU: Wakil Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengharumkan nama universiti di peringkat antarabangsa apabila meraih Bronze Award ICAPS 2026 menerusi penyertaan dalam 26th International Students Design Camp (D-Camp) di Korea Selatan, baru-baru ini.

UMS menerusi Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dalam satu kenyataan memaklumkan program yang berlangsung selama tujuh hari itu dianjurkan Innovation Centre for Engineering Education (ICEE), Jeonbuk National University, Korea Selatan dan menghimpunkan penyertaan 18 universiti dari enam negara iaitu Korea Selatan, Malaysia, Indonesia, Taiwan, Vietnam dan Singapura.

Antara institusi dari Korea Selatan yang mengambil bahagian ialah Kunsan National University, Gwangju University, Jeonbuk National University, Jeonju University, Jeju National University, Wonkwang University, Chungnam National University (CNU), Chungbuk National University (CBNU), Soonchunhyang University dan Hoseo University.

Malaysia pula diwakili Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UMS, manakala penyertaan dari Indonesia melibatkan Institut Teknologi Bandung (ITB), Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) dan Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS).

Penyertaan antarabangsa turut melibatkan National Cheng Kung University (NCKU) dari Taiwan, Hanoi University of Science and Technology (HUST) dari Vietnam serta Nanyang Technological University (NTU) dari Singapura.

"Program ini menyediakan platform kepada peserta untuk bertukar ilmu, berkongsi idea serta membina jaringan dan kolaborasi dalam bidang reka bentuk, inovasi dan kejuruteraan.

"Bagi penyertaan UMS tahun ini, delegasi universiti itu terdiri daripada dua pelajar dan dua pensyarah," katanya.

Dua pelajar berkenaan ialah Clearin Johinis daripada Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi dan Benny A/L Gelini daripada Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Mereka turut disertai Prof. Ar. Nurakmal Abdullah @ Goh Tuo Ho dan Prof. Madya Ts. Dr. Nur Fadilah Darmansah dari FKJ.

Kenyataan itu turut menjelaskan penglibatan delegasi UMS dalam program berkenaan mencerminkan komitmen universiti dalam memperluas jaringan akademik antarabangsa, selain memberi peluang kepada warga universiti mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam persekitaran global.

Kejayaan berkenaan turut menjadi pencapaian membanggakan buat UMS, khususnya dalam platform antarabangsa serta membuktikan keupayaan wakil UMS untuk bersaing di peringkat antarabangsa, selain berkongsi idea dan menyumbang kepada perkembangan bidang reka bentuk, inovasi dan kejuruteraan.



BANGGA: Wakil UMS berjaya meraih Bronze Award ICAPS 2026 di Korea Selatan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 2 PRINTED SIZE: 180.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 973.00 ITEM ID: MY0070957337



03 SEP, 2026

UMS raih Bronze Award ICAPS 2026 di Korea Selatan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Wakil Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengharumkan nama universiti di peringkat antarabangsa apabila meraih Bronze Award ICAPS 2026 menerusi penyertaan dalam 26th InternationalStudentsDesign Camp (D-Camp) di Korea Selatan, baru-baru ini.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.